

PRU-15 di Negeri Sembilan: Kubu parlimen terakhir UMNO di Semenanjung Malaysia?

Adzwan Adnan¹, Mazlan Ali¹, Jamaie Hamil²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia

²Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Adzwan Adnan (email: adzwanadnan24@gmail.com)

Received: 4 December 2024; Accepted: 8 April 2025; Published: 27 May 2025

Abstrak

Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) pada 2022 diketahui secara umum merupakan sebuah episod terburuk bagi Barisan Nasional (BN) terutamanya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebagai sebuah parti utama yang memimpin gabungan tersebut. Negeri seperti Melaka, Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis telah merekodkan sejarah sebagai negeri 'sifar parlimen' bagi UMNO buat pertama kalinya. Beberapa parlimen yang selalunya UMNO tidak ada masalah untuk menang di Perak, Pahang dan Johor telah mencatatkan keputusan yang berlawanan. Di sebalik kekalahan besar itu, banyak pihak mungkin terlepas pandang terhadap kejayaan UMNO di Negeri Sembilan apabila kesemua calon UMNO yang mewakili BN telah menang. Oleh yang demikian, makalah ini hadir untuk membincangkan kehadiran faktor-faktor yang mempengaruhi kemenangan UMNO di Negeri Sembilan di samping membandingkannya secara tidak langsung dengan beberapa buah negeri terpilih. Berdasarkan kajian kepustakaan, sesi temu bual dan pemerhatian langsung, terdapat tiga faktor yang telah memberikan kelebihan kepada UMNO di Negeri Sembilan. Pertama ialah ketokohan pemimpin utama UMNO di peringkat negeri dan yang kedua terkait dari segi percaturan calon pilihan raya. Kewujudan faktor ketiga iaitu persaingan tiga penjujur yang menyebabkan perpecahan undi pihak lawan ternyata telah memberi keuntungan kepada UMNO. Ketiga-tiga faktor ini dipercayai lebih banyak pengaruhnya di Negeri Sembilan berbanding di negeri-negeri yang lain. Perbincangan dalam makalah ini menyimpulkan bahawa faktor yang dibincangkan telah menjadikan Negeri Sembilan sebagai kubu parlimen terakhir bagi UMNO di Semenanjung Malaysia semasa PRU-15. Walau bagaimanapun, kehilangan undi popular telah memberi impak yang negatif terhadap status kubu kuatnya.

Kata kunci: Pilihan raya, politik Malaysia, politik Negeri Sembilan, PRU-15 2022, UMNO

GE-15 in Negeri Sembilan: The last parliamentary stronghold for UMNO in Peninsular Malaysia?

Abstract

The 15th General Election (GE-15) in 2022 is widely known to be the worst episode for Barisan Nasional (BN), especially the United Malays National Organisation (UMNO) as a major party

leading the coalition. States such as Melaka, Selangor, Penang, Kedah, and Perlis have recorded history as ‘zero parliament’ states for UMNO for the first time. Several parliaments that UMNO usually has no problem winning in Perak, Pahang, and Johor have recorded opposite results. Despite the huge defeat, many may have overlooked UMNO’s success in Negeri Sembilan when all UMNO candidates representing BN won. Therefore, this paper is here to discuss the presence of factors that influenced UMNO’s victory in Negeri Sembilan, in addition to indirectly comparing it with several selected states. Based on the literature reviews, interviews, and direct observations, three factors have given UMNO an advantage in Negeri Sembilan. The first is the character of the main UMNO leader at the state level, and the second is related to the election candidate’s tactics. The existence of a third factor, namely a three-cornered competition that caused the opposing party’s votes to be split, has clearly benefited UMNO. These three factors are believed to have more influence in Negeri Sembilan than in other states. The discussion in this paper concludes that the factors discussed have made Negeri Sembilan the last parliamentary stronghold for UMNO in Peninsular Malaysia during GE-15. However, the loss of popular votes has reflected a negative impact on its stronghold status.


Keywords: Elections, politics of Malaysia, politics of Negeri Sembilan, GE-15 2022, UMNO

Pengenalan

Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) pada 2022 bukan sahaja menyaksikan parti gabungan Barisan Nasional (BN) gagal kembali menjadi parti yang dominan malah mencapai keputusan yang lebih rendah berbanding PRU-14. Selepas kekalahan buat pertama kali dalam sejarah semasa PRU-14 dengan 79 kerusi parlimen (SPR, 2018), BN hanya tinggal 30 kerusi sahaja (SPR, 2022). Daripada 30 kerusi parlimen tersebut, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) selaku parti tunjang telah memenangi sebanyak 26 kerusi merosot daripada PRU-14 yang mana pada ketika itu memperoleh 54 kerusi (Funston, 2018; Ufen, 2019).

Daripada 13 kerusi parlimen yang ditandingi di Perak, UMNO hanya menguasai dua kerusi yang salah satunya dipertahankan oleh Presiden UMNO sendiri manakala Pahang yang pernah melahirkan dua orang Presiden UMNO sekadar memperoleh lima daripada 11 kerusi. UMNO di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sekadar berpuas hati dengan kemenangan satu kerusi iaitu Parlimen Titiwangsa. Lebih memmeranjatkan, calon UMNO yang merupakan penyandang di Parlimen Putrajaya sejak kewujudan kerusi tersebut turut tewas dalam PRU-15. Kesemua calon UMNO yang bertanding di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang telah kalah.

Selain itu, UMNO juga mencatatkan ‘sifar parlimen’ di Kelantan, Terengganu dan Selangor. UMNO di Johor dan Melaka pula telah mengalami kemerosotan yang jelas dalam PRU-15. Keputusan yang dicapai oleh UMNO di kedua-dua negeri tersebut adalah berlawanan dengan Pilihan Raya Negeri yang diadakan lebih awal pada 2021 dan 2022 (Halim & Ismail, 2023). Nasib UMNO di Johor adalah lebih baik berbanding di Melaka apabila masih berpeluang mendapat tujuh kerusi parlimen. UMNO di Melaka langsung tidak memenangi sebarang kerusi. PRU-15 jelas menunjukkan betapa merosotnya pengaruh politik UMNO.



Sumber: Berita Harian, 2022; SPR, 2022; The Star, 2022

Rajah 1. Pencapaian UMNO dalam PRU-15 di Semenanjung Malaysia

Di sebalik kemerosotan yang ketara dalam PRU-15, kelihatan UMNO di Negeri Sembilan menunjukkan pencapaian yang luar biasa jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Calon UMNO yang mewakili BN telah menang semua lima kerusi dengan kadar kemenangan sebanyak 100 peratus. Kemenangan tersebut lebih manis apabila mereka berjaya merampas dua kerusi yang telah tewas kepada Pakatan Harapan (PH) semasa PRU-14 yang lalu. Keadaan ini seperti mencerminkan Negeri Sembilan menjadi kubu parlimen yang terakhir bagi UMNO dalam usaha mengekalkan pengaruh politiknya di Semenanjung Malaysia.

Dalam hal yang lain, UMNO di Semenanjung Malaysia tidak melakukan kerjasama pilihan raya di luar kerangka BN seperti yang berlaku di Sabah ketika PRU-15. UMNO Sabah telah bekerjasama dengan beberapa buah parti termasuk parti yang menentang UMNO di Semenanjung iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), menyebabkan beberapa kerusi parlimen yang pernah ditandinginya dalam PRU-14 dilepaskan (Annuar & Perman, 2023). Perbezaan tersebut bermaksud bahawa UMNO di Semenanjung kekal bertanding di kerusi-kerusi yang menjadi tradisinya sepanjang pilihan raya sebelum ini tetapi tidak di Sabah. Ekoran daripada itu, adalah kurang relevan untuk melakukan perbandingan antara kekuatan UMNO di Sabah dengan negeri-negeri yang lain.

Secara umumnya, objektif artikel ini adalah untuk menelusuri pencapaian UMNO semasa PRU-15 bagi negeri-negeri yang berada dalam Semenanjung Malaysia. Memfokuskan pencapaian yang sangat baik oleh UMNO di Negeri Sembilan, artikel ini seterusnya mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi UMNO di negeri tersebut di samping membandingkannya dengan negeri-negeri yang lain. Akhir sekali, penulisan artikel ini menilai semula sama ada Negeri Sembilan adalah kubu parlimen terakhir bagi UMNO di Semenanjung Malaysia.

Kajian literatur

Perubahan politik yang berlaku di Negeri Sembilan semasa PRU-14 telah mengundang bukan sedikit kajian yang memperihalkan peristiwa bersejarah tersebut. Menurut Ahmad et al. (2024),

lima faktor telah menjadi pemangkin kepada kemenangan PH iaitu soal manifesto, peluang terhadap pemerintahan baru, kelemahan sedia ada dari segi kepimpinan dan ekonomi, pengaruh media sosial dan lingkaran isu yang timbul menjelang pilihan raya. Ahmad dan Besar (2024) menyatakan bahawa selain daripada faktor pengaruh media elektronik, pengaruh pemimpin tempatan dan juga calon yang diketengahkan telah mempengaruhi pengundi di Negeri Sembilan.

Kajian oleh Jaafar et al. (2021) menelusuri beberapa kawasan DUN yang majoritinya pengundi kaum Melayu masih lagi memberi sokongan kuat kepada BN di Negeri Sembilan ketika PRU-14. Oleh sebab itu, BN masih lagi dapat mempertahankan 20 kerusi DUN. Berdasarkan Majidillah dan Rahman (2019), prestasi DAP yang konsisten dan cukup memberangsangkan telah menjadi nadi bagi PH untuk mengambil alih kerajaan negeri. DAP telah menang kesemua kerusi yang ditandinginya semasa PRU-14 di Negeri Sembilan. Mohd, Nor dan Zainy (2019) menghujahkan tumbangannya BN di Negeri Sembilan berpunca daripada isu-isu nasional seperti 1Malaysian Development Berhad (1MDB) yang dijadikan sebagai senjata politik oleh PH. Di samping itu, kemaraan PH juga telah dipengaruhi oleh faktor ayunan bandar yang berlaku di Klawang, Pilah, Lenggeng, Paroi dan Ampangan (Azlan & Majidillah, 2018). Kebanyakan kerusi tersebut tidak pernah dimenangi oleh parti pembangkang sebelum daripada PRU-14.

Pasca PRU-14 telah menyaksikan kewujudan Pilihan Raya Kecil (PRK) di Negeri Sembilan bagi dua buah kawasan iaitu Rantau dan Port Dickson. Kajian oleh Besar et al. (2021) dan Vellymalay (2019) menunjukkan bahawa kredibiliti calon telah memberi impak yang signifikan terhadap kemenangan BN di Rantau manakala PH di Port Dickson. Kedua-dua PRK ini telah mencuri perhatian banyak pihak disebabkan peristiwa yang mengakibatkan pengosongan kerusi, penawaran calon yang berprofil tinggi dan persaingan kempen pilihan raya.

Ketika seluruh negara sedang berada dalam fasa kempen PRU-15, Azlan dan Noor (2023) menggambarkan gerak kerja PH di Negeri Sembilan berada dalam keadaan yang tersusun dan berstrategi. Pergerakan calon tidak dibuat secara semberono tetapi berpandukan tinjauan oleh jentera kempen terhadap sentimen pengundi di kawasan yang terlibat. Ismail dan Besar (2024) mendapati tahap pendidikan seseorang individu mempengaruhi literasi politiknya. Walau bagaimanapun, terdapat dua perspektif yang berbeza melalui kajian itu yang dijalankan di parlimen Port Dickson. Sebahagian berpendapat semakin tinggi tahap pendidikan, semakin tinggi tahap literasi politik manakala sebahagian pihak merasakan golongan yang berpendidikan tinggi tidak mampu memahami sosiopolitik masyarakat di peringkat akar umbi.

Kerjasama antara PH dengan BN ketika mendepani Pilihan Raya Negeri 2023 (PRN 2023) telah membuahkan hasil apabila mereka berjaya memenangi 31 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Menurut Zhang (2023), pencapaian majoriti dua pertiga tersebut disebabkan PH dan BN mempunyai kelebihan dari segi kepimpinan negeri yang berpengaruh berbanding PN. Zhang dan Chin (2023) berpendapat BN masih kuat di luar bandar manakala PH di kawasan bandar, namun kedua-dua parti ini mengalami penurunan undi Melayu yang sangat ketara semasa PRN 2023.


Sorotan penguasaan UMNO terhadap kerusi parlimen di Negeri Sembilan

Sepanjang 13 kali pilihan raya dari 1959 sehingga 2013, UMNO menerusi PERIKATAN/BN kekal mendapat mandat pemerintahan untuk mentadbir negara. Antara penyumbang kepada kelangsungan kekuasaan UMNO di peringkat Persekutuan adalah daripada kemenangan kerusi parlimen di Negeri Sembilan. Seperti yang diungkap oleh Mohd, Nor dan Zainy (2019), Negeri

Sembilan boleh ditakrifkan sebagai kubu kuat UMNO setiap kali menjelang pilihan raya. Hal ini dapat diujahkan apabila semua calon UMNO yang diletakkan bertanding dari PRU 1959 hingga PRU 2013 tidak pernah kalah. Pertambahan kerusi parlimen implikasi daripada persempadanan semula kawasan pilihan di Negeri Sembilan yang berlaku dalam PRU 1986 dan PRU 2004 tidak menjadi masalah besar bagi UMNO untuk melebarkan kemenangan mereka seterusnya menyapu bersih kerusi yang ditandinginya.

Meskipun UMNO di peringkat kebangsaan pernah mengalami beberapa pergolakan yang melibatkan secara langsung pemimpin di Negeri Sembilan, penguasaan UMNO terhadap kerusi parlimen tidak terjejas. Misalnya, perpecahan dalaman yang terjadi antara Mahathir dengan Razaleigh pada 1987 (Baharuddin, 1988) telah menyebabkan Rais Yatim yang merupakan bekas Menteri Besar (MB) Negeri Sembilan telah melawan calon UMNO dalam PRU 1990. Tentangan yang kuat cuba di berikan Rais pada ketika itu, namun kedudukan politik UMNO Negeri Sembilan kekal teguh. UMNO Negeri Sembilan dalam PRU 1990 telah mencatatkan keputusan yang cemerlang dengan memenangi kesemua empat kerusi parlimen dengan majoriti undi yang agak besar (Almanak, 2004).

Kekuatan UMNO di Negeri Sembilan dilihat mula teruji semasa berlangsungnya PRU 1999. Gerakan Reformasi sebelum itu telah memberi tempias kepada perpecahan UMNO di Negeri Sembilan. Individu seperti Ruslan Kasim yang menjawat sebagai Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan telah dipecat dan menghasilkan pencalonannya dalam pilihan raya bagi menentang calon UMNO. Sungguhpun UMNO tidak ada masalah untuk mengekalkan rekod kemenangan 100% kerusi parlimen di Negeri Sembilan, undi yang diperolehinya bagi setiap kawasan pilihan raya telah merosot dengan ketara. Parlimen semacam Kuala Pilah hanya dapat dipertahankan dengan majoriti 2,818 undi dalam PRU 1999 berbanding PRU 1995 dengan majoriti 20,600 undi (Almanak, 2004). Tatkala pengundi Melayu telah mengancam pengaruh politik UMNO, mereka bernasib baik kerana pengundi bukan Melayu masih memberikan sokongan yang padu sekali gus dapat mengekalkan kemenangan ketika PRU 1999 (Hamil et al., 2014).



Sumber: diolah dan diubah suai Almanak, 2004; SPR, 2008, 2013, 2018, 2022

Rajah 2. Pencapaian UMNO terhadap Parlimen di Negeri Sembilan dari PRU 1959 hingga 2022

Di saat berlakunya tsunami politik yang telah membadai UMNO pada PRU 2008 sehingga menyebabkan kehilangan dua pertiga majoriti, penguasaan UMNO di parlimen dalam Negeri Sembilan tidak sedikit pun terjejas dari segi jumlah kerusi yang menang (SPR, 2008). Calon UMNO berjaya mengekalkan rentak kemenangan terhadap lima kerusi walaupun terdapat individu yang kali pertama bertanding contohnya Khairy Jamaludin di parlimen Rembau. Hanya parti komponen BN yang gagal mempertahankan tiga kerusi parlimen iaitu Teluk Kemang, Seremban dan Rasah apabila terlepas ke tangan pembangkang. Dalam PRU 2013 di Negeri Sembilan, UMNO masih mempertahankan status *quo* terhadap lima kerusi parlimen (SPR, 2013). Sebahagian kerusi seperti parlimen Rembau memperlihatkan peningkatan majoriti undi dengan mendadak mencerminkan populariti calon UMNO yang merupakan penyandang semakin diterima baik.

Sehingga PRU-14 pada 2018, rekod tanpa kalah UMNO Negeri Sembilan akhirnya lebur apabila kehilangan dua kerusi parlimen iaitu Tampin dan Kuala Pilah. Tiga kerusi yang berjaya dipertahankan pula dengan majoriti undi yang menyusut (Jaafar et al., 2021; Ahmad et al., 2024). Isu terkait 1MDB yang telah menyebabkan konsolidasi elit dalam UMNO berpecah selepas berlaku penyisihan terhadap sebahagian pemimpin kanan adalah antara faktor utama kekalahan UMNO (Noor, 2018). Gelombang penolakan terhadap isu tersebut ternyata membawa natijah yang buruk sehingga menyebabkan UMNO Negeri Sembilan gagal menepisnya dengan baik sekalipun tiada penyisihan yang berlaku dalam kalangan pemimpin UMNO di peringkat negeri tersebut. Tewasnya dua parlimen di Negeri Sembilan adalah seiring dengan kekalahan UMNO di peringkat Persekutuan setelah 63 tahun di tampuk kuasa. Situasi yang berlaku dalam PRU 2018 ini dapat memperkuat lagi hujah bahawa UMNO di Negeri Sembilan memainkan peranan yang cukup signifikan bagi menjamin kedudukan UMNO secara keseluruhan.

Lemahnya UMNO di Negeri Sembilan dalam PRU-14 yang lalu tidak sesekali berjaya mematahkan semangat mereka untuk kembali bangkit. PRU-15 telah menjadi medan kebangkitan siasah UMNO apabila dapat menawan kembali parlimen Kuala Pilah dan Tampin di samping meneruskan legasi kemenangan akan tiga kerusi iaitu parlimen Jelevu, Jempol dan Rembau. Kemenangan 100% ini berjaya menafikan dakwaan bahawa UMNO di Negeri Sembilan sedang menghadapi kehancuran dan mengalami kesukaran untuk bangkit kembali pasca PRU-14.

Metodologi kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengumpulan data adalah berbentuk kualitatif yang dibahagikan kepada tiga kaedah iaitu kajian kepustakaan, pemerhatian langsung dan temu bual. Kajian kepustakaan dijalankan terhadap pelbagai sumber seperti buku dan artikel penyelidikan bagi mendapatkan maklumat asas seperti sorotan kajian lepas. Pengumpulan maklumat melalui sumber tersebut amat signifikan supaya maklumat yang diperolehi berasaskan kajian yang saintifik. Selain daripada mendapatkan maklumat melalui portal atas talian Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), penyelidikan ini juga mendapatkan keputusan pilihan raya melalui pelaporan oleh pihak media. Walau bagaimanapun, sebarang percanggahan data, maklumat yang dikeluarkan oleh SPR dijadikan sebagai sandaran utama.

Semasa suasana pilihan raya memasuki minggu kedua antara 13 hingga 18 November 2022, pengkaji berpeluang membuat pemerhatian secara langsung di beberapa kawasan parlimen seperti Seremban, Kuala Pilah, Jempol dan Jelevu. Kawasan ini dipilih disebabkan beberapa justifikasi seperti jumlah pengundi Melayu yang paling tinggi di kawasan bandar (Seremban), parlimen yang UMNO tewas dengan majoriti yang sangat kecil pada PRU-14 (Kuala Pilah) dan

sebahagian kawasan kubu kuat UMNO (Jelebu dan Jempol). Kaedah pemerhatian langsung diguna pakai bagi meneliti secara lebih jelas pelbagai aktiviti kempen seperti ceramah berkelompok, konvoi kenderaan, perang poster dan lain-lain lagi. Seperti kajian yang dijalankan oleh Besar et al. (2021), kaedah ini membantu penulis bagi mengumpul data secara terus dan memahami situasi sebenar yang berlaku di lapangan.

Di samping itu, kaedah temu bual telah dijalankan terhadap dua orang informan yang merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam PRU-15 di Negeri Sembilan. Informan yang dimaksudkan ialah Faiz Fadzil yang merupakan calon PH di P133 Tampin. Informan kedua pula ialah Zaidy Abdul Kadir yang menjawat sebagai Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan semasa PRU-15. Kaedah temu bual ini memainkan peranan yang tidak kurang penting demi mendapatkan sumber primer bagi memandu perbincangan dalam makalah ini.

Hasil kajian dan perbincangan: Faktor kemenangan UMNO dalam PRU-15 di Negeri Sembilan

Ketokohan Mohamad Bin Hasan sebagai pemimpin utama di peringkat negeri

Memfokuskan prestasi setiap parti politik di Negeri Sembilan pada PRU-15, faktor populariti pemimpin utama di peringkat negeri ada memainkan peranan yang signifikan. Pemimpin UMNO seperti Mohamad Hasan bukan satu nama yang asing di Negeri Sembilan. Beliau yang sering disapa sebagai 'Tok Mat' telah diberi mandat sebagai MB selama hampir 14 tahun lamanya sejak 2004 hingga 2018. Hal ini telah mencatatkan rekod kedua paling lama perkhidmatan seorang MB selepas Isa Samad yang telah berkhidmat lebih 20 tahun. Atas faktor inilah, Mohamad Hasan lebih popular jika hendak dibandingkan dengan pemimpin utama PH dan Perikatan Nasional (PN) Negeri Sembilan. Terdapat juga segelintir pemimpin PH sendiri yang menyatakan Mohamad Hasan adalah MB yang paling kuat berbanding negeri-negeri lain yang UMNO kuasai (Azlan & Majidillah, 2018). Meskipun wujud isu kesangsian terhadap populariti Mohamad Hasan apabila tumbangannya UMNO di Negeri Sembilan dalam PRU 2018, isu tersebut tidak dapat dijadikan asas yang kuat disebabkan kekalahan UMNO berpunca daripada penolakan pengundi terkait isu 1MDB.

Dalam konteks UMNO di Negeri Sembilan, Mohamad Hasan merupakan pemimpin tunggal yang mendapat sokongan yang teguh daripada pemimpin dan ahli akar umbi parti jika hendak dibandingkan dengan negeri-negeri seperti di Perlis, Melaka dan Johor. Negeri-negeri yang disebutkan ini terdapat masalah 'dua nakhoda dalam satu kapal' yang melibatkan persaingan pengaruh jawatan ketua parti dengan ketua pentadbiran kerajaan di peringkat negeri disebabkan pemegang kedua-dua jawatan tersebut bukan dari tokoh yang sama menjelang PRU-15. Rentetan daripada masalah ini menyebabkan berlaku perpecahan dalaman UMNO yang serius lantas menatijahkan keputusan pilihan raya yang hambar. Persaingan pengaruh politik di Perlis bukanlah suatu yang rahsia antara Shahidan Kasim yang mengetuai UMNO negeri dengan Azlan Man yang menjadi MB sejak 2013 (Berita Harian, 2018). Akhirnya, Shahidan digugurkan sebagai Pengerusi UMNO Perlis setahun sebelum PRU-15 yang memanas lagi sengketa politik dalaman UMNO di negeri itu (Astro Awani, 2021).

Hal yang sama turut terjadi di Melaka apabila pelantikan Ketua Menteri pasca PRN 2021 bukan daripada individu yang menjawat sebagai Pengerusi UMNO Melaka. Pelantikan tersebut telah menimbulkan desas-desus tentang pergolakan politik dalaman yang berlarutan sehingga

PRU-15 dan akhirnya desas-desus tersebut seperti benar wujud apabila Sulaiman Ali meletakkan jawatan Ketua Menteri walaupun berkhidmat tidak sampai dua tahun (Berita Harian, 2023a). Kestabilan politik dalaman UMNO di Johor semasa PRU-15 turut tergugat berpunca daripada pelantikan Onn Hafiz sebagai MB yang seakan-akan mengeneppikan kedudukan Pengerusi UMNO Johor iaitu Hasni Mohamad yang merupakan penyandang MB dan telah diangkat sebagai *poster boy* ketika PRN 2022 (Utusan Malaysia, 2022). Walaupun UMNO menjadi pembangkang di Negeri Sembilan semasa PRU-15, Mohamad Hasan sebagai Pengerusi UMNO Negeri Sembilan dalam masa yang sama juga telah diberi mandat sebagai Ketua Pembangkang dalam DUN sekali gus mencerminkan solidariti yang padu terhadap kepimpinannya.

Selain itu, kedudukan politik Mohamad bukanlah hanya sekadar tertumpu di Negeri Sembilan tetapi juga di peringkat nasional. Pada Pemilihan UMNO 2018, beliau telah memenangi jawatan Timbalan Presiden dalam persaingan yang agak sengit dan merupakan pemimpin pertama dari Negeri Sembilan yang berjaya memegang jawatan tersebut. Semasa menjalankan tugas-tugas Presiden UMNO ekoran keputusan Zahid Hamidi untuk bercuti (Harian Metro, 2019a), Mohamad berjaya membuktikan kepimpinannya yang cemerlang apabila UMNO berjaya merampas DUN Semenyih daripada penguasaan PH ketika PRK pada 2019. Kejayaan memenangi DUN Semenyih sedikit sebanyak membuktikan UMNO masih relevan di persada politik tanah air. Selaku pemimpin nombor dua dalam UMNO, pengundi di Negeri Sembilan juga menaruh harapan yang tinggi kepada beliau untuk melihat anak jati Negeri Sembilan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri buat pertama kalinya sekiranya UMNO menang dengan dominan. Faktor ini telah mempengaruhi pengundi di Negeri Sembilan bagi memenangkan kesemua calon-calon UMNO yang bertanding di kerusi parlimen.

Ketika imej kepimpinan utama UMNO seperti Zahid seolah-olah tercalar akibat perbicaraan beberapa kesnya di mahkamah yang mampu menggugat keyakinan pengundi, Mohamad tampil sebagai seorang pemimpin yang kelihatan bersih. Setakat hari ini, tidak terdapat apa-apa salah laku yang dilakukan olehnya untuk didakwa di mahkamah. Misalnya terdapat tuduhan yang mengatakan Mohamad melakukan kesalahan terkait pemindahan wang berjumlah RM10 juta (Berita Harian, 2019), namun Jabatan Peguam Negara memutuskan tiada tindakan lanjut (Harian Metro, 2019b). Akibat daripada fenomena ini, dipercayai wujudnya strategi meletakkan gambar Mohamad pada sebahagian poster calon UMNO di Negeri Sembilan berbanding kebiasaannya meletakkan gambar ketua parti iaitu Zahid.

Ketokohan Mohamad sebagai faktor kemenangan UMNO di Negeri Sembilan dalam PRU-15 boleh ditimbal melalui impak kredibiliti seseorang pemimpin dalam mempengaruhi pilihan para pengundi seperti yang dikaji oleh Abdullah (2018). Tok Mat sebagai pemimpin yang masih mendapat kepercayaan dan mempunyai imej yang diyakini oleh pengundi di Negeri Sembilan juga boleh dikatakan mirip dengan ketokohan Abdullah Badawi semasa PRU 2004. Dalam PRU 1999, UMNO telah menghadapi krisis kepercayaan dan penolakan oleh pengundi Melayu tetapi perubahan kepimpinan negara kepada Abdullah dengan imej yang diyakini oleh rakyat telah menjadi antara faktor kemenangan besar UMNO ketika PRU 2004 (Mayudin, 2006). Oleh yang demikian, faktor ketokohan Mohamad ini sekurang-kurangnya mampu menutupi isu keyakinan pengundi Negeri Sembilan terhadap kepimpinan UMNO namun ketiadaan tokoh sepertinya di negeri-negeri lain telah mengakibatkan pengundi sudah hilang kepercayaan terhadap calon UMNO.

Percaturan calon yang diketengahkan

Berbanding di negeri-negeri yang lain, semua calon UMNO yang bertanding di Negeri Sembilan dalam PRU-15 adalah individu yang sememangnya berada dalam saf kepimpinan utama UMNO di peringkat bahagian. Daripada lima calon UMNO di Negeri Sembilan, tiga daripadanya adalah ketua bahagian di Rembau, Jelevu dan Tampin. Dua lagi calon pula sedang menjawat posisi timbalan ketua bahagian di Jempol dan Kuala Pilah. Situasi yang berlaku terhadap UMNO di Negeri Sembilan ternyata berbeza dengan negeri-negeri seperti Melaka, Perak dan Perlis. Di Melaka, UMNO telah mencalonkan Shahril Sufian (Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia) di parlimen Alor Gajah manakala Asyraf Wajdi (Ketua Pemuda UMNO Malaysia) di Gerik, Perak. Zahida Zarik Khan yang mengetuai Puteri UMNO Malaysia pula dihantar bertanding di Padang Besar, Perlis. Pencalonan mereka ini sungguh memeranjatkan disebabkan bukan sahaja tidak menjadi pemimpin UMNO di kawasan tersebut bahkan dianggap sebagai calon luar bagi ketiga-tiga negeri terbabit (Bernama, 2022). Akibat daripada percaturan yang salah ini, UMNO telah kehilangan kerusi tersebut buat pertama kalinya dalam PRU-15 meskipun tidak pernah kalah sebelum ini dan calon yang diketengahkan pula pemimpin bertaraf nasional.

Jadual 1. Senarai calon UMNO di Negeri Sembilan dan jawatan di peringkat bahagian semasa PRU-15

Parlimen	Nama calon	Jawatan di peringkat bahagian
Rembau	Mohamad Hasan	Ketua
Jelevu	Jalaluddin Alias	Ketua
Jempol	Shamsulkahar Deli	Timbalan Ketua
Kuala Pilah	Adnan Abu Hassan	Timbalan Ketua
Tampin	Isam Mohd Isa	Ketua

Sumber: Kajian lapangan, 2024

Kajian oleh Noor dan Azlan (2023) ada menyatakan bahawa isu penyisihan pemimpin UMNO daripada dicalonkan semula telah menjurus kepada kekalahan besar parti itu dalam PRU-15 di Perlis (Arau dan Padang Besar), Kelantan (Ketereh), Selangor (Tanjong Karang) dan Pahang (Maran). Di Negeri Sembilan, isu yang sama turut berlaku tetapi calon baru yang ditawarkan mempunyai pengaruh yang lebih hebat. Misalnya Khairy Jamaludin selaku timbalan ketua bahagian dan penyandang ahli parlimen Rembau selama tiga penggal telah digantikan dengan Mohamad yang merupakan ketua bahagian. Pengaruh Mohamad seperti yang diketahui jauh lebih kuat berbanding Khairy maka pencalonan Mohamad adalah suatu tindakan yang tepat dan kemenangannya memang sudah boleh dijangka. Di Jempol, penyandang kerusi tersebut yang juga ketua bahagian iaitu Salim Sharif turut mendapat nasib yang malang apabila digugurkan dalam PRU-15. UMNO bagaimanapun masih mampu mengekalkan penguasaan di Jempol disebabkan fenomena protes yang berlaku tidak berpanjangan dan Salim sendiri tidak bertanding sebagai calon bebas atau menggunakan tiket parti lain (Berita Harian, 2023b) seperti yang dilakukan oleh Shahidan (Arau), Zahidi (Padang Besar) dan Abdul Mutalib (Maran).

Di samping itu, terdapat juga satu keunikan terhadap hampir kesemua calon UMNO di Negeri Sembilan apabila mereka masih berkhidmat sebagai ADUN dalam kawasan parlimen yang ditandingi kecuali di Jelevu. Mereka masih berstatus ADUN disebabkan Negeri Sembilan tidak membubarkan DUN secara serentak dalam PRU-15. Di Rembau, UMNO mempertaruhkan ADUN Rantau sebagai calon yang kelihatan sebagai satu tindakan mudah untuk mengekalkan

kemenangan. Seperti yang telah ditelusuri sebelum ini, calon UMNO di Rembau tidak dapat ditandingi mana-mana pihak dari segi ketokohnya. Calon UMNO di parlimen Kuala Pilah yang merupakan ADUN Senaling pula pernah menjadi ADUN Pilah pada 2008 hingga 2013 dan berpengalaman sebagai seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) selama sepenggal. Manakala ADUN Gemencheh telah diberi tugas untuk mengambil alih parlimen Tampin dari tangan PH dan misi tersebut akhirnya berhasil. Tambahan lain, calon UMNO bagi parlimen Jempol telah menyandang jawatan sebagai ADUN Serting selama tiga penggal dan pernah berkhidmat sebagai Ahli MMKN dari 2008 hingga 2018 (Kadir, 2023).

Jadual 2. Jawatan calon UMNO sebagai ADUN semasa PRU-15


Parlimen	Nama calon	Jawatan ADUN semasa PRU-15
Rembau	Mohamad Hasan	ADUN Rantau
Jelebu	Jalaluddin Alias	Tiada/Penyandang Ahli Parlimen Jelebu
Jempol	Shamsulkahar Deli	ADUN Serting
Kuala Pilah	Adnan Abu Hassan	ADUN Senaling
Tampin	Isam Mohd Isa	ADUN Gemencheh

Sumber: SPR, 2018, 2022

Kajian yang dijalankan oleh Ismail et al. (2023) menyatakan pengundi baharu dalam PRU-15 lebih cenderung memilih calon berbanding parti politik yang diwakilinya. Terdapat juga kecenderungan sebahagian pengundi untuk memilih calon yang lebih dikenali dan telah berkhidmat dalam suatu jangka masa (Noor & Daud, 2016). Justeru itu, kemenangan lima calon di Negeri Sembilan ini berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor pengundi mengenali jauh lebih awal dan dapat menilai *track record* perkhidmatan berbanding kebanyakan pesaing-pesaing mereka yang belum pernah menang dalam pilihan raya sebelum ini. Walau bagaimanapun, faktor ini tidak boleh diaplikasikan di kawasan luar Negeri Sembilan seperti di Kedah (parlimen Pendang), Terengganu (Hulu Terengganu dan Kemaman), Pulau Pinang (Tasek Gelugor) dan Pahang (Temerloh). Calon UMNO di kelima-lima kawasan parlimen ini mengalami kekalahan biarpun masih berstatus ADUN yang mencerminkan berlaku faktor penolakan yang lebih besar.

Persaingan tiga penjuru antara BN, PH dan PN

Sekiranya jumlah majoriti kemenangan dijadikan sebagai kayu ukur semata-mata, calon UMNO di parlimen Rembau adalah yang paling berjaya kerana mendapat majoriti yang sangat besar iaitu 19,897 undi manakala majoriti paling rendah berlaku di Tampin dengan 1,276 undi. Parlimen Jelebu di tempat kedua dengan 8,125 majoriti undi, Kuala Pilah dengan 6,483 undi dan seterusnya Jempol dengan 5,857 undi (SPR, 2022). Kendatipun begitu, kemenangan tersebut merupakan laba yang diperolehi oleh UMNO hasil daripada perpecahan undi yang menolak BN menerusi persaingan tiga penjuru dengan PH dan PN. Berdasarkan Rajah 3, UMNO akan mendapat mimpi yang ngeri dengan tewas kesemua kerusi jika PH dan PN membentuk gabungan politik untuk mewujudkan pertandingan satu lawan satu.



Sumber: diolah dan diubah suai Berita Harian, 2022; SPR, 2022

Rajah 3. Penguasaan undi bagi BN, PH dan PN dalam PRU-15 di Negeri Sembilan

Dari satu sudut yang lain, timbul satu persoalan bahawa di Melaka, Pahang dan Selangor yang berjiran dengan Negeri Sembilan juga berlaku tiga penjuror namun UMNO tidak dapat mempertahankan kerusi yang telah dimenangi dalam PRU-14. Hal ini disebabkan terdapat perbezaan kadar peralihan undi keluar daripada calon UMNO ketika PRU-15. Jadual 3 menunjukkan kadar peralihan undi keluar daripada calon UMNO hanya setinggi empat peratus di Negeri Sembilan tetapi di negeri lain mencecah sehingga 15 peratus. Sokongan pengundi terhadap calon UMNO di Rembau kelihatan kekal dari PRU-14 hingga PRU-15 iaitu 48 peratus. Peralihan undi daripada calon UMNO yang mewakili BN kepada PN dengan kadar melebihi lebih lima peratus menyebabkan UMNO tidak dapat mengekalkan kerusi di Selangor (Sabak Bernam dan Tanjong Karang) manakala Melaka (Masjid Tanah dan Jasin) sehingga menjadikan mereka sifar kerusi parlimen.

Jadual 3. Peralihan undi semasa PRU-15 terhadap kerusi yang dimenangi oleh UMNO dalam PRU-14

Negeri	Parlimen	Undi PRU-14 (%)			Undi PRU-15 (%)			Peralihan (%)			Pemenang PRU-15	
		BN	PH	PA S	BN	PH	PN	BN	PH	PN		
Pahang	Jerantut	44	21	33	35	17	47	-9	-4	+14	PN	
	Rompin	52	15	30	44	7	46	-8	-8	+16		
	Maran	48	13	37	43	9	47	-5	-5	+10		
	Kuala Krau	46	13	39	44	7	46	-2	-6	+8		
	Pekan	61	11	26	50	7	41	-11	-4	+14		BN
	Lipis	49	26	23	49	18	32	0	-8	+9		
Selangor	Paya Besar	42	26	30	43	15	41	+1	-12	+11	PN	
	Bera	43	38	17	52	25	21	+9	-13	+4		
	Tg. Karang	43	38	18	31	24	35	-12	-14	+17		
Negeri Sembilan	Sabak Bernam	38	33	27	31	23	43	-7	-10	+16	BN	
	Jempol	46	43	9	41	33	23	-4	-10	+14		
	Jelebu	48	43	7	47	30	21	-1	-13	+14		

Sembilan	Rembau	48	42	8	48	30	20	0	-12	+12	
Melaka	Masjid Tanah	53	34	11	38	13	46	-15	-21	+35	PN
	Jasin	42	42	14	35	28	36	-7	-14	+22	


Sumber: diolah dan diubah suai Berita Harian, 2022; SPR, 2022; The Star, 2022

Nota:

- 1) Tg. Karang merujuk kepada Tanjong Karang
- 2) PH diwakili Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) di Tg. Karang dan Masjid Tanah semasa PRU-15

Skrif yang sama juga berlaku di Pahang apabila UMNO kehilangan tiga parlimen iaitu Jerantut, Maran dan Rompin disebabkan undi yang diperolehi mereka menyusut sehingga sebelas peratus yang beralih kepada PN. Kecuali di Kuala Krau, dengan hanya peralihan undi sebanyak dua peratus sahaja telah memberi impak yang negatif kepada UMNO. Parlimen Pekan masih utuh dalam genggaman UMNO walaupun berlaku peralihan undi dengan sebelas peratus disebabkan masih dapat mengekalkan penguasaan sebanyak 50% undi tambahan pula kerusi tersebut merupakan kubu kuat mereka yang pernah diwakili sosok seorang Perdana Menteri. Tidak dinafikan juga, hilangnya kerusi UMNO seperti yang dinyatakan telah didasari peralihan undi yang keluar daripada PH dan masuk ke kantung PN (Fadzil, 2023). UMNO sebenarnya boleh menyelamatkan kerusi-kerusi yang hilang ini sekiranya PH dapat mengekalkan penguasaan undi mereka dalam PRU-15.

Dari segi undi popular, tidak dapat disangkal lagi yang UMNO/BN telah kehilangan populariti di Negeri Sembilan sungguhpun telah mempertahankan tiga kerusi dan merampas dua kerusi dalam PRU-15. UMNO/BN hanya mendapat 32 peratus manakala PH dengan hanya kemenangan tiga kerusi lebih mendapat undi popular dengan 39 peratus disebabkan berlakunya *malapportionment* dengan begitu ketara (Ong et al., 2017). Jika digabungkan pola pengundian yang tidak mengundi calon UMNO/BN, sangat nyata bahawa lebih 60 peratus pengundi di Negeri Sembilan telah menolak parti tersebut dalam PRU-15.



Sumber: diolah dan diubah suai Berita Harian, 2022; SPR, 2022

Rajah 4. Perbandingan undi popular antara BN, PH dan PN di Negeri Sembilan dalam PRU-15

Di sebalik kejayaan UMNO di Negeri Sembilan semasa PRU-15, fenomena ini adalah bertepatan dengan kajian terhadap perpecahan undi pihak lawan menerusi pertandingan tiga penjujur yang memberi kelebihan kepada penyandang seperti yang dikemukakan oleh Noor (2019). Namun, persaingan tiga penjujur hanya akan menguntungkan pihak penyandang sekiranya undi yang dikuasai oleh mereka masih kekal tetapi apabila salah satu pihak pembangkang berjaya mengambil sebahagian undi tersebut, kedudukan penyandang akan tergugat (Ostwald et al., 2018). Situasi inilah yang telah membezakan UMNO di Negeri Sembilan dengan negeri-negeri yang lain ketika menghadapi PRU-15. UMNO di Negeri Sembilan masih bertahan atau hanya mengalami sedikit kemerosotan undi berbanding negeri-negeri yang lain.

Kesimpulan

Melewati perbincangan dalam kajian ini, secara jelas Negeri Sembilan telah menjadi kubu parlimen terakhir bagi UMNO di Semenanjung Malaysia ketika perang pilihan raya dalam PRU-15. Faktor seperti ketokohan pemimpin utama di peringkat negeri telah menjadi kelebihan bagi UMNO di Negeri Sembilan berbanding negeri-negeri lain. Sebagai individu yang mengetuai UMNO di Negeri Sembilan, sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Tok Mat dilihat berjaya memupuk perpaduan dan kestabilan dalam kalangan pemimpin bawahan mahupun ahli UMNO. Selain itu, Tok Mat juga berjaya mempengaruhi sokongan pengundi terhadap UMNO di Negeri Sembilan menerusi kredibiliti sebagai bekas MB, pengaruh melalui jawatan kanan UMNO di peringkat nasional dan soal integriti yang masih belum dapat dipersoalkan lagi. Dari segi faktor calon-calon yang diketengahkan oleh UMNO, percaturan yang direncanakan di Negeri Sembilan kurang mendatangkan implikasi yang negatif atau berada pada tahap yang minimum. Beberapa strategi yang agak janggal dan kurang tepat dalam pemilihan calon di negeri-negeri yang lain telah memakan diri UMNO seperti yang telah diuraikan.

Namun, UMNO di Negeri Sembilan tidak harus mendabik dada atas kejayaan semasa PRU-15. Data menunjukkan kemenangan lima kerusi parlimen oleh UMNO sangat dibantu oleh perpecahan undi pihak lawan menerusi persaingan tiga penjujur. UMNO juga telah kehilangan undi popular yang mencerminkan pengaruh politiknya sudah tidak dominan lagi dan memberi impak yang negatif terhadap status kubu kuatnya. Seperkara lagi, Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN-15) yang berlangsung pada 2023 menyaksikan UMNO kehilangan tiga kerusi DUN di Negeri Sembilan iaitu Serting, Bagan Pinang dan Gemas. Ketiga-tiga kerusi ini merupakan kerusi yang tidak pernah kalah sejak PRU 2004 dan kehilangannya merupakan suatu tamparan bagi UMNO. Memandangkan PRN-15 berlangsung selepas sembilan bulan dari PRU-15, kejayaan yang dikecapi oleh UMNO dan statusnya sebagai kubu kuat di Negeri Sembilan telah berubah dalam sekelip mata sahaja. Menuju PRU-16, UMNO khususnya di Negeri Sembilan perlulah mengambil langkah yang drastik bagi mengelakkan prestasi yang buruk dalam persada politik tanah air. Antara langkah tersebut ialah kepimpinan utama UMNO harus segera mengembalikan perpaduan dan kestabilan politik dalaman agar berada dalam keadaan yang baik. Demi memastikan UMNO di Negeri Sembilan dikemudi dengan lancar pula, setiap lapisan ahli UMNO harus memberikan sokongan penuh terhadap kepimpinan baru yang sedang diterajui oleh Jalaluddin Alias seperti yang telah diterima oleh Mohamad Hasan sebelum ini.

Sebagai penutup, artikel yang dinukilkan ini membawa kepada beberapa implikasi terkait politik pilihan raya. Meskipun keseluruhan pengaruh parti berada dalam keadaan yang sangat

lemah, para pengundi masih lagi melihat kepada aspek ketokohan pemimpin setempat. Selain itu, soal kualiti calon yang ditawarkan dalam pilihan raya masih lagi relevan dalam penilaian pengundi walaupun pola pengundian pada ketika itu lebih memihak dan berdasarkan parti politik yang bertanding. Dalam sistem *first-past-the-post*, jumlah kemenangan beberapa buah kawasan pilihan raya tidak semestinya menggambarkan kekuatan pengaruh sesebuah parti politik. Parti politik yang benar-benar kuat dan berpengaruh dalam gelanggang pilihan raya mesti memperoleh keseluruhan undi yang berkadar dengan jumlah kerusi yang banyak dimenangi.

Penghargaan

Ucapan penghargaan kepada pensyarah yang telah mengajar kursus Teori Politik Malaysia pada semester satu sesi 2022/2023 memandangkan reka bentuk penyelidikan ini dipandu daripada pengajaran dan tugas ilmiah yang diberikan.

Rujukan

- Abdullah, W. J. (2018). The Mahathir effect in Malaysia's 2018 election: The role of credible personalities in regime transitions. *Democratization*, 26(3), 521-536.
- Ahmad, M., & Besar, J. A. (2024). Pola pandangan pengundi Melayu pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 9(36), 37-52.
- Ahmad, M., Besar, J. A., & Jali, M. F. M. (2024). Tsunami Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia: Kebangkitan Pakatan Harapan dan kemunculan politik baharu. *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 94(3), 204-233.
- Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum: Parlimen & Dewan Undangan Negeri, 1959-1999. (2004). Shah Alam, Anzagain.
- Annuar, S. N. S., & Perman, A. A. (2023). Pilihan Raya Umum Ke-15 di Sabah: Isu, trend dan cabaran. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(2), 200-223.
- Astro Awani. (2021, April 24). Azlan ganti Shahidan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/azlan-ganti-shahidan-sebagai-pengerusi-badan-perhubungan-umno-perlis-zahid-294898>
- Azlan, A. A., & Majidillah, M. K. (2018). Urban swing in the 14th General Election: A case study of Negeri Sembilan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 45(2), 251-272.
- Azlan, A. A., & Noor, M. N. M. (2023). From Barisan to Perikatan: Politics, parties and the Malay electorate in the 2022 General Election. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 50(2), 137-153.
- Baharuddin, S. A. (1988). The "Battle Royal": The UMNO Elections of 1987. *Southeast Asian Affairs*, 170-188.
- Berita Harian. (2018, Mei 23). Krisis pelantikan MB Perlis imbau nostalgia 2008. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/05/429072/krisis-pelantikan-mb-perlis-imbau-nostalgia-2008>

- Berita Harian. (2019, April 7). SPRM perlu buka semula siasatan ke atas Tok Mat. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/04/549849/sprm-perlu-buka-semula-siasatan-ke-atas-tok-mat>
- Berita Harian. (2022, November 19). Keputusan rasmi PRU-15. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1028360/keputusan-rasmi-pru15>
- Berita Harian. (2023a, Mac 29). Sulaiman dijangka letak jawatan KM Melaka esok, Rauf angkat sumpah Jumaat. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1083464/sulaiman-dijangka-letak-jawatan-km-melaka-esok-rauf-angkat-sumpah>
- Berita Harian. (2023b, Januari 28). Saya tidak tahu apa kesalahan sehingga kena gantung. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1057166/saya-tidak-tahu-apa-kesalahan-sehingga-kena-gantung>
- Bernamea. (2022, November 12). Isu penolakan calon luar di Padang Besar dan Arau mula reda. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2137839>
- Besar, J. A., Jaafar, M., & Ahmad, M. (2021). Politik pilihan raya dalam PRU-14 dan pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 206-220.
- Fadzil, F. (2023). Calon PH PRU-13 bagi P133 Tampin, Seremban. Temu bual, 9 Januari.
- Funston, J. (2018). Malaysia's 14th General Election (GE14) – the contest for the Malay electorate. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 57-83.
- Halim., S. M. A. A., & Ismail, M. T. (2023). Antara kubu dan lubuk: Transisi politik Johor dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(2), 182-199.
- Hamil, J., Saifullah, F. A. I., Suhaimi, M., Rahman, A., Mustafa, M., Kamaruddin, R., & Noor, M. N. M. (2014). Ikhtisar analisis Pilihan Raya Umum 1978 hingga 2013 di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(4), 39-53.
- Harian Metro. (2019a, Jun 30). Zahid Hamidi kembali <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/06/470747/zahid-hamidi-kembali>
- Harian Metro. (2019b, Julai 2). Tok Mat tiada kes - Peguam Negara. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/471324/tok-mat-tiada-kes-peguam-negara>
- Ismail M. M., Adnan Z. H., & Ishak, M. S. (2023). Kecenderungan pengundi baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(2), 224-240.
- Ismail, S.F., & Besar, J.A. (2024). Literasi politik pengundi di parlimen Port Dickson, Negeri Sembilan. *e-Bangi: Journal of Society and Space*, 21(4), 486-499.
- Jaafar, M., Besar, J. A., Awang, A., Choy, L. K., & Ahmad, M. (2021). Tumbangnya BN di Negeri Sembilan dalam PRU-14. In. Besar, J. A., Jali, M. F. M., & Yusuff, N. A. (eds.), *Dinamika politik pilihan raya di Malaysia dalam PRU-14* (pp. 315-352). Universiti Malaysia Kelantan Press.
- Kadir, Z.A. (2023). Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan sesi 2018-2023, Jempol. Temu bual, 22 Disember.
- Majidillah, M. K., & Rahman, Z. A. (2019). Prestasi DAP di Negeri Sembilan. In. Rahman, Z. A., Fauzi, R., & Ghazali, A. S. (eds.), *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan cabaran Malaysia baharu* (pp. 229-254). Universiti Malaya Press.

- Mayudin, G. (2006). Demokrasi dan Pilihan Raya di Malaysia. In: Mayudin, G., Hamil J., Daud, S., & Othman, Z. (eds.), *Demokrasi, kepimpinan dan keselamatan dalam politik Malaysia* (pp. 50-65). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd, A. K. A., Nor, N. A. M., & Zainy, N. H. A. (2019). Kerana nila? Kekalahan Barisan Nasional di Negeri Sembilan. In: Rahman, Z. A., Fauzi, R., & Ghazali, A. S. (eds.), *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan cabaran Malaysia baharu* (pp. 255-280). Universiti Malaya Press.
- Noor, M. N. M. (2018). The 14th General Election, the fall of Barisan Nasional, and political development in Malaysia. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 139-171.
- Noor, M. N. M. (2019). Persaingan PRU Ke-14 di Pahang: Pengekalan status quo melalui pertembungan tiga penjur. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 122-136.
- Noor, M. N. M., & Azlan, A. A. (2023). UMNO in GE15: Factionalism and its effects. *The Round Table*, 112(3), 273-285.
- Noor, M. N. M., & Daud, M. F. (2016). Pilihan raya dalam politik Kelantan 1990 - 2013: Antara parti, pemimpin dan isu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 43(2), 51-73.
- Ong, K. M., Kasuya, Y., & Mori, K. (2017). Malapportionment and democracy: A curvilinear relationship. *Electoral Studies*, 49, 1-10.
- Ostwald, K., Schuler, P., & Chong, J. M. (2018). Triple duel: The impact of coalition fragmentation and three-corner fights on the 2018 Malaysian Election. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 31-55.
- SPR. (2008). Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12. <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>
- SPR. (2013). Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13. <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>
- SPR. (2018). Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14. <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>
- SPR. (2022). Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-15. <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>
- The Star. (2018). Result overview for GE-14. <https://election.thestar.com.my/ge14/default.html>
- Ufen, A. (2020). Opposition in transition: Pre-electoral coalitions and the 2018 electoral breakthrough in Malaysia. *Democratization*, 27(2), 167-184.
- Utusan Malaysia. (2022, Februari 24). PRN Johor: Hasni poster boy BN. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/prn-johor-hasni-poster-boy-bn/>
- Vellymalay, S. K. N. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Rantau 2019: Isyarat peralihan sokongan rakyat kepada BN? *e-Bangi: Journal of Society and Space*, 16(6), 1-10.
- Zhang, K. (2023). Negeri Sembilan State Election: A safe bet for Anwar administration? *ISEAS Fulcrum*, 183.
- Zhang, K., & Chin, J. (2023). Negeri Sembilan emerges as PH-BN's steadiest stronghold. *ISEAS Perspective*, 90, 1-17.